

Kempen Pengebilan Auto 2022 untuk Kad Kredit CIMB

Terma-Terma dan Syarat-Syarat

1. Kempen Pengebilan Auto 2022 untuk Kad Kredit CIMB ("**Kempen**") adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad 197201001799 (13491-P) ("**CIMB Bank**") dan CIMB Islamic Bank Berhad 200401032872 (671380-H) ("**CIMB Islamic**"). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic hendaklah di sini secara kolektif dirujuk sebagai ("**CIMB**").

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari 1hb Februari 2022– 31hb Januari 2023, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**").
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi selama empat belas (14) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Kempen ini terbuka secara eksklusif kepada semua pemegang kad kredit utama atau tambahan CIMB bagi kad kredit (kecuali Kad Perniagaan *Platinum* dan Kad *Fuel Tanker*) yang dikeluarkan oleh CIMB di Malaysia, yang tidak pernah melaksanakan transaksi pengebilan auto atas kad kredit tersebut dalam 3 bulan sebelum dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh permulaan kempen setiap bulan, selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "**Peserta Layak**". Akaun kad kredit CIMB Peserta Layak selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "**Akaun Kad Kredit Penyertaan**".
5. Kategori individu-individu yang berikut TIDAK akan layak untuk menyertai Kempen ini:-
 - i) Kakitangan atau pekerja tetap, kontrak dan/atau sambilan *Kumpulan Syarikat CIMB yang terlibat secara langsung dalam menganjurkan Kempen ini atau Pengurusan Kanan *Kumpulan Syarikat CIMB and ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan suami isteri, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik); dan/atau
 - ii) Wakil-wakil dan/atau ejen-ejen (termasuk ejen-ejen pengiklanan dan promosi) Kumpulan Syarikat CIMB, VISA Worldwide Pte. Limited, sebuah syarikat yang berdaftar di Singapura, mempunyai pejabatnya di 30, Raffles Place, #10-00, Chevron House, Singapore 048622 ("**VISA**") (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaannya masing-masing) dan Mastercard Worldwide, sebuah syarikat yang diperbadankan di Negeri Delaware, mempunyai pejabat dan tempat berniaga utamanya di 2000 Purchase Street, Purchase, New York, NY 10577-2509, United States of America ("**Mastercard**") (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaannya masing-masing); dan/atau

* Kumpulan Syarikat CIMB bermaksud kumpulan syarikat-syarikat/entiti-entiti undang-undang di mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat pemegang muktamad CIMB mempunyai kepentingan yang mengawal, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan sendirinya atau melalui subsidiari-subsidiarinya.
6. Pendaftaran tidak diperlukan. Peserta Layak mesti mendaftar Pengebilan Auto BAHARU dengan pedagang insurans penyertaan dengan menggunakan Akaun Kad Kredit Penyertaan mereka.

Mekanik Kempen

7. Peserta Layak akan layak kepada Pulangan Tunai RM30 jika
 - a) Mendaftar permohonan Pengebilan Auto Baharu melalui Aplikasi, Laman Web atau penyerahan Borang pedagang layak, DAN
 - b) Permohonan Pengebilan Auto Baharu mestilah berjaya diluluskan oleh Penyedia Perkhidmatan Terpilih semasa Tempoh Kempen, DAN
 - c) Transaksi Pengebilan Auto Baharu ("**Transaksi Pengebilan Auto**") mestilah dicaj secara automatik dengan menggunakan Akaun Kad Kredit Penyertaan semasa Tempoh Pengesanan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 8.

8. Pengesanan Transaksi Pengebilan Auto BAHARU adalah berdasarkan kepada tarikh dan/atau masa (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam dalam rekod CIMB sehingga 31 Disember 2022 ("**Tempoh Pengesanan**")

9. Pengebilan Auto adalah kemudahan pembayaran yang secara automatik mengecaj pembayaran bil bulanan Peserta Layak kepada Akaun Kad Kredit Penyertaan Peserta Layak apabila dan semasa pembayaran kena dibayar. Transaksi Pengebilan Auto Layak ("**Transaksi Pengebilan Auto Layak**") adalah terpakai kepada penyedia perkhidmatan yang berikut ("**Penyedia Perkhidmatan Terpilih**"):-

Kategori	Insurans/ Takaful			
MCC Layak	5960, 5968, 6300			
Penyedia Perkhidmatan Terpilih	1. Prudential Insurance	10. AmMetLife Takaful	19. QBE Insurance	28. MCIS Insurance
	2. Prudential BSN Takaful	11. Am General Insurance	20. RHB Insurance	29. Syarikat Takaful Malaysia
	3. AIA Insurance	12. Berjaya Sompoo Insurance	21. Tokio Marine Insurance	30. Takaful Ikhlas Family
	4. Great Eastern Insurance	13. Liberty Insurance	22. Tune Insurance	31. Chubb Insurance
	5. Great Eastern Takaful	14. Lonpac Insurance	23. Zurich Insurance	32. Etiqa General Takaful
	6. Allianz Insurance	15. MSIG Insurance	24. Zurich Takaful	33. MPI Generali Insurances
	7. Sun Life Malaysia	16. Pacific & Orient Insurance	25. Manulife Insurance	34. FWD Takaful
	8. Sun Life Malaysia Takaful	17. Pacific Insurance	26. Hong Leong Assurance	35. Etiqa General Takaful
	9. AXA Affin	18. Progressive Insurance	27. Gibraltar BSN	

Kategori	Telekomunikasi			
MCC Layak	4812, 4814, 5968			
Penyedia Perkhidmatan Terpilih	1. Maxis	4. Telekom Malaysia	6. Time dotcom	8. Unifi
	2. Celcom	5. U Mobile	7. YES	9. XOX Mobile
	3. Digi			

Kategori	Utiliti			
MCC Layak	4812, 4814, 5968			
Penyedia Perkhidmatan Terpilih	1. Astro	3. Sabah Electricity	5. Tenaga Nasional Malaysia	7. Spotify
	2. Apple iTunes	4. Sarawak Energy	6. Indah Water	8. Netflix

10. Bagi mengelakkan keraguan, Transaksi Layak adalah Transaksi BAHARU yang termasuk transaksi Pengebilan Auto yang tidak pernah dicajkan kepada Akaun Kad Kredit Penyertaan Peserta Layak tiga (3) bulan sebelum Tempoh Kempen dan/atau Peserta Layak yang membatalkan Pengebilan Auto mereka lebih daripada tiga (3) bulan dari tarikh transaksi Pengebilan Auto baharu mereka dicajkan kepada Akaun Kad Kredit Penyertaan mereka.

Contoh:

Peserta Layak	Pengebilan Auto dalam 3 Bulan Lepas dengan Penyedia Perkhidmatan Terpilih	Pendaftaran baharu atas Pengebilan Auto dengan Penyedia Perkhidmatan Terpilih semasa Tempoh Kempen	Transaksi Pengebilan Auto Baharu yang dipaparkan sebelum 31 Disember 2022	Layak
A	Tidak	Februari 2022	Dipaparkan pada Mac 2022	✓
B	Tidak	November 2022	Dipaparkan pada Disember 2022	✓
C	Ya	Julai 2022	Dipaparkan pada Ogos 2022	X
D	Tidak	Januari 2023	Dipaparkan pada Februari 2023	X

11. Transaksi Layak bagi Kempen hendaklah termasuk transaksi Pengebilan Auto mata wang tempatan/asing yang dicaj kepada mana-mana Akaun Kad Kredit Penyertaan Peserta Layak semasa Tempoh Kempen.

Sebarang penentuan oleh CIMB bahawa apa yang membentuk Transaksi Layak hendaklah konklusif dan tidak akan dicabar dengan apa-apa cara jua melainkan yang sama kelihatan terlampau tidak adil atau saksama.

12. Transaksi Layak hendaklah dikira berdasarkan jumlah transaksi Akaun Kad Kredit Penyertaan yang disatukan (utama dan tambahan) Peserta Layak. Jika Peserta Layak mempunyai berbilang akaun kad kredit, Transaksi Layak yang dilakukan pada semua Akaun Kad Kredit Penyertaan beliau hendaklah disatukan dan tidak dilihat secara individu. Sila rujuk contoh di bawah.

Contoh:

Akaun Kad Kredit Penyertaan Peserta Layak A mempunyai satu (1) kad kredit CIMB utama dan dua (2) kad kredit CIMB tambahan. Semua Transaksi Layak pada mana-mana kad ini akan dikumpul untuk menjadualkan jumlah Pulangan Tunai layak untuk Kempen.

13. Semua Transaksi Layak akan dikesan secara automatik oleh CIMB untuk tujuan memenuhi Kriteria Transaksi Peserta Layak. Pengesanan Transaksi Layak adalah berdasarkan kepada tarikh dan/atau masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen. Sebarang penentuan oleh CIMB bahawa apa yang membentuk Transaksi Layak hendaklah konklusif dan tidak akan dicabar dengan apa-apa cara jua melainkan yang sama kelihatan terlampau tidak adil atau saksama.
14. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan dan/atau kesilapan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti Transaksi Layak dan/atau pemaparan Transaksi Layak kepada Akaun Kad Layak Peserta Layak melalui *VISA* and/atau *MasterCard*, tempat pedagang dan/atau mana-mana pihak lain melainkan yang sama adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

Pulangan Tunai RM60 (RM30 x 2)

15. Butir-butir Pulangan Tunai ("**Pulangan Tunai**") adalah ditakrifkan dalam Klausa-Klausa 16 hingga 18 di sini.

Pulangan Tunai

16. Butir-butir Pulangan Tunai RM60 (RM30 x 2) adalah seperti yang berikut: -

Kelayakan	Pengagihan Pulangan Tunai
Pendaftaran Pengebilan Auto Baharu dengan pedagang penyertaan terpilih pertama dengan menggunakan Kad Kredit CIMB dan dicaj semasa Tempoh Pengesanan	Pulangan Tunai RM30 (Dihadkan pada RM3,000 setiap minggu atas dasar siapa cepat dia dapat)
Pendaftaran Pengebilan Auto Baharu dengan pedagang penyertaan terpilih kedua dengan menggunakan Kad Kredit CIMB dan dicaj semasa Tempoh Pengesanan	Pulangan Tunai RM30 (Dihadkan pada RM3,000 setiap minggu atas dasar siapa cepat dia dapat)
Jumlah	Pulangan Tunai RM 156,000

17. Peserta Layak hanya layak memenangi maksimum Dua (2) Pulangan Tunai dan maksimum Satu (1) Pulangan Tunai setiap pedagang layak sepanjang Tempoh Kempen. Pulangan Tunai dihadkan pada Ringgit Malaysia Enam Puluh (RM60) setiap Akaun Kad Kredit Penyertaan atas dasar siapa cepat dia dapat dan tertakluk pada ketersediaan.

Contoh:

Peserta Layak	Penyedia Perkhidmatan Terpilih	Pendaftaran Pengebilan Auto Penyedia Perkhidmatan Terpilih Baharu	Layak	Pulangan Tunai	Jumlah Pulangan Tunai
A	Maxis	Ya	Ya	RM30	RM60
	Prudential Insurance	Ya	Ya	RM30	
B	Astro	Ya	Ya	RM30	RM30
	Astro	Tidak	Tidak	Tidak	

18. Tempoh masa di mana Peserta Terpilih mesti melakukan Transaksi Pengebilan Autonya mengikut Klausula 7 di atas untuk mendapat peluang memenangi Pulangan Tunai adalah seperti berikut: -

Minggu Penyertaan	Tempoh Transaksi Layak untuk Pulangan Tunai
1	1 Februari -6 Februari 2022
2	7 Februari -13 Februari 2022
3	14 Februari -20 Februari 2022
4	21 Februari -27 Februari 2022
5	28 Februari -6 Mac 2022
6	7 Mac -13 Mac 2022
7	14 Mac -20 Mac 2022
8	21 Mac -27 Mac 2022
9	28 Mac -3 April 2022
10	4 April -10 April 2022
11	11 April -17 April 2022
12	18 April -24 April 2022

13	25 April -1 Mei 2022
14	2 Mei -8 Mei 2022
15	9 Mei -15 Mei 2022
16	16 Mei -22 Mei 2022
17	23 Mei -29 Mei 2022
18	30 Mei - 5 Jun 2022
19	6 Jun - 12 Jun 2022
20	13 Jun - 19 Jun 2022
21	20 Jun - 26 Jun 2022
22	27 Jun - 3 Julai 2022
23	4 Julai - 10 Julai 2022
24	11 Julai - 17 Julai 2022
25	18 Julai - 24 Julai 2022
26	25 Julai - 31 Julai 2022
27	1 Ogos - 7 Ogos 2022
28	8 Ogos - 14 Ogos 2022
29	15 Ogos - 21 Ogos 2022
30	22 Ogos - 28 Ogos 2022
31	29 Ogos - 4 September 2022
32	5 September - 11 September 2022
33	12 September - 18 September 2022
34	19 September - 25 September 2022
35	26 September - 2 Oktober 2022
36	3 Oktober - 9 Oktober 2022
37	10 Oktober - 16 Oktober 2022
38	17 Oktober - 23 Oktober 2022
39	24 Oktober - 30 Oktober 2022
40	31 Oktober - 6 November 2022
41	7 November - 13 November 2022
42	14 November - 20 November 2022
43	21 November - 27 November 2022
44	28 November - 4 Disember 2022
45	5 Disember - 11 Disember 2022
46	12 Disember - 18 Disember 2022
47	19 Disember – 25 Disember 2022
48	26 Disember 2022 – 1 Januari 2023
49	2 Januari – 8 Januari 2023
50	9 Januari – 15 Januari 2023
51	16 Januari – 22 Januari 2023
52	23 Januari – 31 Januari 2023

19. Akaun Kad Kredit Penyertaan bagi Peserta Layak terpilih MESTILAH dalam kedudukan yang baik dan MESTILAH TIDAK memungkir mana-mana terma-terma dan syarat-syarat perjanjian kredit dan/atau akaun CIMB atau berdelinkuen, dan/atau menjadi tidak sah atau dibatalkan kerana jika tidak mereka akan dilucut kelayakan daripada menyertai Kempen.

Proses Pemenuhan Hadiah

20. Butir-butir proses pemenuhan untuk Hadiah adalah ditakrifkan seperti di bawah: -

i) **Pulangan Tunai**

Pulangan Tunai akan dikreditkan dalam lapan (8) minggu selepas bulan Peserta Layak mendaftar secara rasmi untuk pengebilan automatik baharu dengan pedagang terpilih. Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ke-3 lain. Pulangan Tunai hanya akan dikreditkan ke Akaun Kad Kredit Penyertaan Peserta Layak yang sah. Peserta Layak mesti telah berjaya mendaftar untuk Kempen agar pendaftaran Pengebilan Auto mereka menjadi sah.

Sebarang penentuan oleh CIMB pada pengiraan dan/atau jumlah dan/atau pemenuhan Pulangan Tunai hendaklah konklusif dan tidak akan dicabar dengan apa-apa cara jua, melainkan kesilapan nyata.

Terma-Terma Dan Syarat-Syarat Am

21. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, mereka:
- a) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - b) memberi kebenaran kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - c) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Pulangan Tunai yang akan diberikan dan penentuan penerima, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif; dan
 - d) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - (iv) sebarang bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
 - (v) sebarang faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.

22. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau Pulangan Tunai akan dilucuthakkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Pulangan Tunai:
- a) Peserta Layak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kempen;
 - b) Kempen ditamatkan atau ditutupkan atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
 - c) Kempen adalah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh CIMB.
23. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah:
- a) mengganggu kemasukan/penyertaan/proses permohonan; dan/atau
 - b) bertindak memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
24. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk:
- a) menggantikan Pulangan Tunai dengan item lain yang mempunyai kos setara; dan/atau
 - b) melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen.

dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak menerusi:

- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
- (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
- (iii) menerusi mana-mana cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB.

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan seperti yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung sebarang Pulangan Tunai dan/atau sebarang pembatalan, penggantungkan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.

25. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada sebarang Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:

- a) penyertaan atau kegagalan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau
- b) Sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan oleh Peserta Layak Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**")

melainkan kerugian atau ganti rugi sedemikian timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

26. a) CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("Pindaan") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak menerusi:
- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau

- (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) pengiklanan di suatu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau
 - (iv) menerusi mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- b) Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Layak dari tarikh sepertimana yang dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
- c) Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti sebarang variasi terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
27. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung Pindaan.
28. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan bahawa Bank ditanggung rugi berkenaan sebarang fi, kos, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank disebabkan:
- a) penyertaan Peserta Layak di dalam Kempen; dan/atau
 - b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Pulangan Tunai oleh Peserta Layak.
29. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
- a) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
 - b) dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Akaun Kad Penyertaan yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
30. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan garis panduan, arahan, notis semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB dari semasa ke semasa.
31. a) Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("CRU") bagi sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel:
- Alamat:** Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
No. Telefon: +603 6204 7788
E-mel: cru@cimb.com
- b) CIMB boleh menukar butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak/ Pelanggan melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.